




Kewajipan Maruah Integriti

PANDUAN UMUM



AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI

KATA ALUAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera dan Salam 1UPNM,



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta`ala dan setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadiratNya kerana dengan limpah kurnia, izin serta inayahNya jua, maka Buku Panduan Umum Audit Persediaan Autonomi UPNM ini dapat dizahirkan. Ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh Jawatankuasa yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang telah memberikan komitmen sepenuhnya dalam penyediaan buku panduan ini.

Amalan tadbir urus terbaik merupakan tonggak utama dalam memastikan kelangsungan pembangunan dan kewujudan sesebuah organisasi. Dalam persekitaran ekosistem universiti, amalan urus tadbir terbaik akan dapat memberikan jaminan bahawa peranan sebagai sebuah gedung ilmu diperkukuhkan seiring dengan kehendak dan ekspektasi pemegang taruh, masyarakat dan negara. Pelbagai aspek dalam semua peringkat pengurusan perlu diperkukuhkan bagi memastikan universiti mencapai piawaian dunia, dinamik, proaktif, kualiti dan berinovasi serta berdaya saing dalam menghadapi cabaran masa kini.

Dalam menyuntik sinergi baharu seiring dengan keperluan semasa, barisan kepimpinan universiti amat menekankan penerapan amalan tadbir urus yang merangkumi sistem nilai berdasarkan kebertanggungjawaban, ketelusan, amanah, akauntabiliti dan responsif dalam urusan pentadbiran harian.

Saya berharap agar buku panduan ini dapat dijadikan bahan rujukan oleh seluruh warga UPNM agar hasrat murni ke arah memperoleh status autonomi dapat direalisasikan dan seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan dari semasa ke semasa demi kemajuan organisasi.

Sekian dan salam hormat.

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HJ. ZULKIFLI BIN HJ. ZAINAL ABIDIN

Jeneral

Naib Canselor

LATAR BELAKANG UNIVERSITI



Sebelum menjadi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) pada 10 November 2006, ia telah wujud sebagai Akademi Latihan Tentera Malaysia (ATMA) sejak tahun 1995. Keputusan menjadikannya sebuah universiti yang bertujahkan bidang pertahanan dan keselamatan adalah hasil daripada cetusan idea Yang Amat Berhormat (YAB) Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan Malaysia. Tujuan penubuhannya adalah seperti yang ditetapkan dalam Warta Kerajaan Malaysia bertarikh 28 September 2006.

Seperti yang ditetapkan dalam warta, tujahan UPNM adalah untuk mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang pertahanan dan keselamatan serta mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan seterusnya penyebaran pengetahuan dalam bidang ini.

Selaras dengan tujahan ini, UPNM melahirkan para graduan universiti yang merupakan *Intellectual Leaders of Character*. Pelajarnya terdiri daripada kurang lebih 80 peratus Pegawai Kadet dan 20 peratus Pelajar Awam (PALAPES).

Walau bagaimanapun, UPNM tidak seperti sebuah Universiti Awam (UA) yang lain di negara ini kerana ia mempunyai keunikan tersendiri yang terdiri daripada pelajar-pelajarnya yang bukan sahaja disediakan untuk menjadi bakal graduan dalam persekitaraan pembangunan intelek, malahan juga dalam persekitaran ketenteraan. Hal ini bermakna mereka bukan sahaja menjalani proses pembangunan intelek, malah juga melalui latihan ketenteraan serta kehidupan budaya rejimental. Pembangunan modal insan secara holistik (*Syumul*) adalah sentiasa dititikberatkan.

Pengambilan pelajar pertama UPNM bermula pada sesi 2007/2008 seramai 550 orang melapor untuk Program Asasi Pertahanan dengan pecahan seramai 350 Pegawai Kadet dan 200 Pelajar Awam. Sebagai permulaan kepada pengajian Sarjana Muda pula, UPNM telah menubuhkan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Sains dan

Teknologi Pertahanan serta Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan. Sehingga tahun 2014, UPNM telah mempunyai seramai 2,713 orang pelajar dengan pecahan seramai 1,979 Pegawai Kadet dan 734 Pelajar Awam, di samping penambahan fakulti baharu yang ditubuhkan pada tahun 2011 iaitu Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan.

Para graduan UPNM iaitu Pegawai Kadet yang berjaya menamatkan pengajian akan ditauliahkan ke dalam Angkatan Tentera Malaysia sebagai Leftenan Muda atau setaraf. Manakala bagi Pelajar Awam iaitu PALAPES yang berjaya menamatkan pengajian akan membolehkan mereka memasuki perkhidmatan kerajaan bukan sahaja sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik tetapi juga dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain terutamanya perkhidmatan beruniform seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan sebagainya. Selain itu, mereka juga dapat menyumbang dalam memenuhi keperluan sumber manusia di sektor korporat.

UPNM juga berperanan ke arah menyokong modenisasi Angkatan Tentera Malaysia melalui membangunkan penyelidikan dan pembangunan (R &D), sama ada asas atau aplikasi dalam aspek pertahanan dan keselamatan serta membangunkan industri pertahanan negara. Ia juga memainkan peranan sebagai *think tank* dalam aspek pertahanan dan keselamatan. Sehingga kini, UPNM telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan dalam negara dan di peringkat antarabangsa. UPNM komited dalam membangunkan modal insan dan teknologi untuk memenuhi keperluan industri pertahanan dan keselamatan negara.



UPNM kini menawarkan 17 program Doktor Falsafah dan Sarjana, 11 Ijazah Sarjana Muda dan tiga (3) Program Asasi. Program-program tersebut ditawarkan di bawah empat (4) buah fakulti dan dua (2) buah pusat seperti berikut:

1. Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan (FPPP)
2. Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan (FSTP)
3. Fakulti Kejuruteraan (FKJ)
4. Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan (FPKP)
5. Pusat Bahasa (PB)
6. Pusat Asasi Pertahanan (PAP)

UPNM juga mempunyai Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) yang bertanggungjawab mengurus semua aktiviti penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik Universiti dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) berperanan menguruskan permohonan pengajian peringkat siswazah.



VISI, MISI, FALSAFAH UNIVERSITI



VISI

Menjadi Universiti Pertahanan primier di rantau ini untuk pendidikan, latihan dan penciptaan ilmu.

To be the premier defence university in the region for education, training and knowledge creation.

MISI

UPNM komited mencapai kecemerlangan perkhidmatan kepada negara sebagai sebuah universiti pertahanan primier dalam kepimpinan dan pembangunan profesional, penyebaran ilmu pengetahuan dan aplikasi sains pertahanan dan teknologi, dan juga penyelidikan polisi.

UPNM is committed to excellence in serving the nation as a premier defence university for leadership and professional development, knowledge dissemination and application of defence science and technology, as well as policy research.

FALSAFAH UNIVERSITI

Sebagai sebuah institusi nasional primier berdedikasi dalam menghasilkan pemimpin berintelektual yang menyerlah serta bersifat terpuji dan komited untuk berbakti sepenuhnya kepada negara dalam menjayakan kelangsungan kepentingan strategik negara.

The premier national institution dedicated to producing intellectual leaders of character committed towards selfless service to the nation in furtherance of national strategic interests.

MOTO DAN OBJEKTIF UPNM



MOTO

KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI
DUTY, HONOUR, INTEGRITY

OBJEKTIF UPNM

Antara objektif UPNM adalah seperti berikut:

- Menyediakan asas pengetahuan yang kukuh dan seimbang dalam bidang Kemanusiaan, Pengurusan, Sains dan Teknologi, serta menerapkan daya usaha intelektual melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan usaha kesarjanaan yang bertaraf antarabangsa.
- Menanam semangat kesetiaan dan patriotisme yang tinggi untuk berbakti kepada negara dengan berbekalkan ilmu, kemahiran serta kecekapan asas ketenteraan.
- Membangunkan warga yang mempunyai tanggungjawab sosial dengan berteraskan kepada unsur-unsur kerohanian, etika budaya dan moral yang terpuji.
- Membentuk pemimpin masa depan yang memahami, menghayati, dan mempunyai sikap toleransi terhadap kepelbagaian etnik, budaya dan agama.
- Membekalkan pemimpin masa depan dengan kebolehan berkomunikasi.
- Menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang Teknologi Pertahanan, Ekonomi dan Diplomasi, Hal Ehwal Ketenteraan serta Pengajian Keselamatan.

FAKULTI/ PUSAT/ JABATAN/ BAHAGIAN (FPJB)

1. PEJABAT NAIB CANSOLOR
2. PEJABAT TNC (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
3. PEJABAT TNC (HAL-EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
4. PEJABAT TNC (PENYELIDIKAN & INOVASI)
5. PEJABAT PNC (JARINGAN INDUSTRI DAN PERHUBUNGAN KORPORAT)
6. JABATAN PENDAFTAR
7. PEJABAT KOMANDAN, AKADEMIK LATIHAN KETENTERAAN
8. JABATAN BENDAHARI
9. PEJABAT PERPUSTAKAAN JENERAL TUN IBRAHIM
10. JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN
11. BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
12. BAHAGIAN KESELAMATAN
13. BAHAGIAN GOVERNAN DAN PERUNDANGAN

FAKULTI

1. FAKULTI KEJURUTERAAN
2. FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN
3. FAKULTI PENGAJIAN DAN PENGURUSAN PERTAHANAN
4. FAKULTI PERUBATAN DAN KESIHATAN PERTAHANAN

PUSAT/ INSTITUT/ AKADEMI

1. PUSAT ASASI PERTAHANAN
2. PUSAT BAHASA
3. PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
4. PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK
5. INSTITUT PENGAJIAN EKSEKUTIF
6. PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
7. PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
8. PUSAT PENGAJIAN PERTAHANAN DAN KESELAMATAN ANTARABANGSA
9. PUSAT PENYELIDIKAN DAN TEKNOLOGI PERTAHANAN
10. PUSAT JAMINAN KUALITI DAN PENGURUSAN DATA
11. PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN INOVASI
12. PUSAT PEMBANGUNAN PELAJAR
13. PUSAT PENERBITAN
14. PUSAT KESELAMATAN SIBER
15. PUSAT SAINS KEJURULATIHAN
16. PUSAT ISLAM
17. PUSAT SUKAN
18. PUSAT KESIHATAN
19. AKADEMI LATIHAN KETENTERAAN

SEJARAH KELAHIRAN KONSEP AUTONOMI

Menerusi Mesyuarat Keputusan Jemaah Menteri yang bertarikh 22 September 2010 yang menyatakan:

- (1) Jemaah Menteri bersetuju dengan cadangan pemberian Autonomi kepada UA mengikut kesediaan yang dinilai menggunakan *Code of University Good Governance* (CUGG) dan diukur menggunakan *University Good Governance Index* (UGGI).
- (2) Jemaah Menteri bersetuju pemberian Autonomi kepada UA mengikut empat (4) bahagian iaitu Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia, Urus Tadbir Akademik serta Kemasukan Pelajar.
- (3) Lembaga Pengarah Universiti diberi peranan membuat keputusan bagi bidang dengan menggunakan pakai segala peraturan dan arahan berkaitan di peringkat dalaman UA.
- (4) Jemaah Menteri bersetuju dengan pelaksanaan Autonomi berpaksikan kepada lapan (8) prinsip asas.

LAPAN (8) PRINSIP ASAS AUTONOMI UNIVERSITI AWAM

1. Amalan kebertangjawaban, ketelusan, akauntabiliti dan nilai serta kualiti yang dibelanjakan dalam semua urusan.
2. Pemantapan sistem dan struktur tadbir urus, pewujudan peraturan yang jelas bagi mendokong pelaksanaan Autonomi dan memastikan wujudnya elemen '*Check and Balance*' serta ketelusan.
3. Pemakaian semua pekeliling perbendaharaan sebagai asas peraturan berkaitan pengurusan kewangan dalaman, dan Lembaga Pengarah Universiti ialah pihak berkuasa yang mengambil alih peranan perbendaharaan dalam memantau dan bertindak melindungi kepentingan pelaburan kerajaan di mana berkaitan.
4. Pemakaian semua Pekeliling Perkhidmatan Awam sebagai asas peraturan berkaitan pengurusan sumber manusia, dan LPU ialah pihak berkuasa yang menggantikan peranan Jabatan Perkhidmatan Awam di mana berkaitan.
5. Bebanan serta pendedahan kewangan kerajaan hanya dihadkan kepada peruntukan pembangunan yang diluluskan kerajaan melainkan diputuskan sebaliknya oleh Kerajaan Pusat.
6. Penjanaan pendapatan UA hendaklah mengutamakan dan memastikan perlindungan serta (*insulate and protect*) kepentingan universiti dan kerajaan.
7. Skim saran berasingan, jika perlu diwujudkan UA berasaskan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang berkuat kuasa, dan sistem ini hendaklah berasaskan prinsip kesaksamaan, kelestarian dan tidak langsung membebankan kerajaan.
8. Tindakan tegas mengikut peruntukan tata tertib semasa sepertinya surcaj, turun pangkat, buang kerja dan yang berkaitan boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan UA yang gagal mematuhi tatacara dan peraturan serta cuai semasa melaksanakan tugas.

DEFINISI AUTONOMI



PENURUNAN KUASA DARIPADA AGENSI PUSAT DAN PIHAK KEMENTERIAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU) DALAM MENENTUKAN SESUATU KEPUTUSAN DENGAN MATLAMAT MEMBOLEHKAN UA BERGERAK SECARA BERKESAN DEMI MENCAPAI AGENDA KECEMERLANGAN

PRA-SYARAT UTAMA UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KAMPUS YANG KONDUSIF, DINAMIK MENERUSI PENGURUSAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG BERDAYA SAING DAN MAPAN

BERTERASKAN MOTO **TANGGUNGJAWAB, MARUAH** DAN **INTEGRITI** YANG TINGGI SERTA PERLU DIPATUHI OLEH SEMUA WARGA UNIVERSITI

TUJUAN MENDAPATKAN AUTONOMI

KUASA AUTONOMI

Diberikan kepada sesebuah universiti bagi tujuan menjadikannya sebagai institusi berinovasi dan berdaya saing yang meliputi **empat (4) bahagian**; iaitu Tadbir Urus Institusi, Kewangan, Pengurusan Sumber Manusia dan Tadbir Urus Akademik.

Dengan pemberian **KUASA AUTONOMI**, universiti mempunyai peluang dan kuasa secukupnya untuk membuat keputusan bagi memastikan institusi mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek.

KUMPULAN AUDIT

- 🌀 Bahagian Governan UA, Jabatan Pengajian Tinggi, KPT
- 🌀 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

UNIVERSITI AWAM YANG TELAH MEMPEROLEH STATUS AUTONOMI

2012



2013



2014




UNIVERSITI AWAM YANG TELAH DIAUDIT UNTUK MENDAPAT AUTONOMI

2015



SASARAN UPNM MEMPEROLEH STATUS AUTONOMI



2016

AKTIVITI AUDIT OLEH AUDITOR MPC PADA **1 – 3 DISEMBER 2015**
DI UPNM, KEM PERDANA SUNGAI BESI, KUALA LUMPUR


AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI

Berdasarkan *GUIDE TO ASSESSING GOOD GOVERNANCE IN MALAYSIA UNIVERSITIES*:

INSTRUMEN RUJUKAN	KETERANGAN
<p>KOD PANDUAN AMALAN TADBIR URUS TERBAIK</p> <p><i>CODE OF UNIVERSITY GOOD GOVERNANCE (CUGG)</i></p>	<p>Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik yang merangkumi empat (4) bidang keberhasilan utama KRA.</p>
<p>INDEKS TADBIR URUS UNIVERSITI TERBAIK</p> <p><i>UNIVERSITY GOOD GOVERNANCE INDEX (UGGI)</i></p>	<ul style="list-style-type: none">❖ Instrumen yang digunakan untuk membantu auditor dan institusi dalam menilai amalan tadbir urus secara sistematik, seterusnya menilai kesediaan universiti ke arah autonomi.❖ Indeks penilaian berbentuk soalan yang merangkumi keempat-empat bahagian.❖ Berasaskan kepada prinsip integriti dan akuntabiliti.

KAEDAH PENILAIAN UGGI

LAPORAN PENILAIAN KENDIRI DIHANTAR KE KPT DAN MPC (AUDITOR)



AUDIT KESEDIAAN
AUTONOMI

FAEDAH AUTONOMI KEPADA UPNM

INSTITUSI

Universiti berkuasa membuat dan melaksanakan keputusan sendiri melalui struktur governan yang jelas iaitu LPU, Senat, NC dan lain-lain.

KEWANGAN

Universiti berkuasa membuat keputusan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penjanaaan kekayaan.

UPNM


SUMBER MANUSIA

Universiti berkuasa menetapkan dasar berkaitan pembangunan organisasi, sistem saaran dan urusan perkhidmatan berkaitan modal insan.

AKADEMIK

Universiti berkuasa mewujudkan, menawar dan melaksanakan program pengajian berdasarkan sistem jaminan kualiti yang memenuhi keperluan audit institusi.

FAEDAH AUTONOMI KEPADA TADBIR URUS INSTITUSI



PERANAN & TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Merupakan badan pengelola pembuat dasar dan pengawasan universiti. Bagi ketetapan dalam urusan SENAT, LPU boleh menghantar pendapatnya untuk pertimbangan.

FAEDAH AUTONOMI KEPADA TADBIR URUS KEWANGAN

AUTONOMI

- * UA boleh menjual perkhidmatan P & P kepada kerajaan.
- * LPU mengguna pakai peraturan & arahan Perbendaharaan.
- * LPU boleh memohon pengecualian pemakaian pekeliling dengan menyediakan SOP.
- * LPU mengurus dan membelanjakan pendapatan yang dijana sendiri mengikut peraturan dalaman.

- * Polisi peraturan dan prosedur bagi kelestarian dan pengurusan kewangan.
- * Perancangan, kawalan, laporan dan pemantauan kewangan.
- * Penjanaan sumber kewangan dan kekayaan.

KOMPONEN PENILAIAN

FAEDAH AUTONOMI KEPADA TADBIR URUS PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

AUTONOMI

- * LPU mewujudkan skim perkhidmatan sendiri menggunakan sumber dana yang dijana.
- * Sistem kenaikan pangkat / *top up* daripada sumber dana yang dijana sendiri dilaksanakan.
- * Kenaikan pangkat berdasarkan *top up* tidak melibatkan perubahan pencen dan peruntukan kerajaan.

KOMPONEN PENILAIAN

- * Perancangan dan Sumber Manusia.
- * Menarik dan mengekalkan bakat.
- * Program kepimpinan.

FAEDAH AUTONOMI KEPADA TADBIR URUS AKADEMIK

AUTONOMI

- * Senat meluluskan penubuhan pusat & program pengajian baru yang tidak melibatkan peruntukan kerajaan.
- * LPU meluluskan peruntukan dalaman untuk penubuhan pusat & program pengajian.
- * UA boleh menamatkan program @ kursus yang tiada sebarang sambutan kecuali program @ kursus yang ada nilai strategik.
- * Program ini masih memerlukan akreditasi MQA.
- * Universiti boleh melaksanakan pengurusan kemasukan pelajar.

KOMPONEN PENILAIAN

- * Struktur komposisi SENAT.
- * Tanggungjawab dan Peranan.

PENGLIBATAN DALAM AUTONOMI UPNM

**TADBIR
URUS
INSTITUSI**

KEWANGAN

**PENGURUSAN
SUMBER
MANUSIA**

**TADBIR
URUS
AKADEMIK**

BAHAGIAN TADBIR URUS INSTITUSI (14 SOALAN UTAMA; 52 SUB-SOALAN)

1.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

- 1.1.1 Membimbing dan Menjadi Pemilik Hala Tuju Strategik
- 1.1.2 Menyemak Petunjuk Prestasi dan Sasaran Universiti
- 1.1.3 Menyemak Kemajuan KPI dan KIP
- 1.1.4 Memantau Pembangunan Bakat
- 1.1.5 Pelan Penggantian Kepimpinan
- 1.1.6 Menilai Prestasi Pengurusan Tertinggi
- 1.1.7 Membuat Keputusan Berdasarkan Pertimbangan Analisis Risiko
- 1.1.8 Meluluskan Dasar dan Perancangan Kewangan Universiti
- 1.1.9 Memastikan Keberkesanan Sistem Penyampaian
- 1.1.10 Mengekalkan Suasana Kerjasama dengan Pengurusan Universiti dan Senat
- 1.1.11 Mengendalikan Mesyuarat yang Efektif
- 1.1.12 Berpegang Teguh kepada Etika dan Integriti

1.2 STRUKTUR LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

- 1.2.1 Mempunyai Komposisi Seimbang dengan Pengetahuan, Kemahiran dan Pengalaman yang Bersesuaian
- 1.2.2 Menubuhkan Jawatankuasa Tertentu

BAHAGIAN KEWANGAN
(11 SOALAN UTAMA; 36 SUB-SOALAN)

2.1 POLISI, PERATURAN, PROSEDUR BAGI PENGURUSAN DAN KELESTARIAN KEWANGAN

2.1.1 Pengurusan Perolehan Dan Pembayaran UPNM

2.1.2 Nilai Untuk Wang

2.1.3 Pelaporan Kewangan

2.1.4 Pelaburan dan Pengurusan Kecairan

2.1.5 Penyimpanan Rekod dan Kebolehcapaian Maklumat

2.1.6 Penubuhan dan Pemantauan Anak Syarikat

2.2 PERANCANGAN, KAWALAN, PELAPORAN DAN PEMANTAUAN KEWANGAN

2.2.1 Perancangan Kewangan

2.2.2 Kawalan dan Pemantauan Kewangan

2.3 PENJANAAN DANA DAN KEKAYAAN

2.3.1 Struktur Yuran

2.3.2 Pembiayaan Dana Luar

2.3.3 Kepelbagaian Pendapatan

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (9 SOALAN UTAMA; 20 SUB-SOALAN)

3.1 PERANCANGAN SUMBER MANUSIA

- 3.1.1 Penyelarasan Aktiviti-aktiviti Sumber Manusia Ke Arah Matlamat Strategik Universiti
- 3.1.2 Polisi Perhubungan Sumber Manusia

3.2 MENARIK MINAT DAN MENGEKALKAN BAKAT

- 3.2.1 Pengambilan, Pemilihan dan Prosedur Kenaikan Pangkat
- 3.2.2 Pengurusan Prestasi
- 3.2.3 Pembangunan Bakat
- 3.2.4 Pengurusan Pampasan
- 3.2.5 Hubungan Pekerja

3.3 PROGRAM KEPIMPINAN

- 3.3.1 Pembangunan Kepimpinan
- 3.3.2 Pelan Penggantian

BAHAGIAN TADBIR URUS AKADEMIK (9 SOALAN UTAMA; 28 SUB-SOALAN)

4.1 STRUKTUR DAN KEANGGOTAAN SENAT

- 4.1.1 Memiliki Pengetahuan Yang Mencukupi, Kemahiran Dan Pengalaman
- 4.1.2 Mewujudkan Jawatankuasa Spesifik
- 4.1.3 Melaksanakan Mesyuarat yang Efektif
- 4.1.4 Memartabatkan Etika Dan Integriti

4.2 TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SENAT


- 4.2.1 Panduan Dalam Menentukan Arah Strategik Akademik
- 4.2.2 Mewujudkan Dasar, Prosedur dan Garis Panduan
- 4.2.3 Senat Mengekalkan Kualiti Dan Integriti Akademik
- 4.2.4 Senat Menarik Minat Pelajar Terbaik
- 4.2.5 Mempromosikan Budaya Penyelidikan dan Inovasi

WAJIB DAN **PERLU**
MENGAMBIL TAHU DAN
FAHAM BERKAITAN DENGAN
AUTONOMI !!!

KAEDAH PENILAIAN AUTONOMI DI UPNM

SKALA PENGUKURAN UTAMA:

UNIVERSITY GOOD GOVERNANCE INDEX (UGGI)



KEPUTUSAN AUDIT AUTONOMI

RECOMMENDATION	BASELINE
<i>READY FOR FULLY AUTONOMY</i>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Overall Score $\geq 80\%$</i> ❖ <i>All Components $\geq 80\%$</i>
<i>READY FOR PARTIAL AUTONOMY</i>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Overall Score $\geq 80\%$</i> ❖ <i>Overall Score for Institutional Governance Must at Least 80%</i> ❖ <i>Any One Component $<80\%$</i>
<i>NOT READY FOR AUTONOMY</i>	<ul style="list-style-type: none"> ❖ <i>Overall Score $< 80\%$</i>

SKOP PEMARKAHAN UGGI

DIMENSI	MARKAH PENILAIAN		
TADBIR URUS	ITEM	JUMLAH	%
INSTITUSI	N1 (14)	56	$N1 / 56 \times 100$
KEWANGAN	N2 (11)	44	$N2 / 44 \times 100$
SUMBER MANUSIA	N3 (9)	36	$N3 / 36 \times 100$
AKADEMIK	N4 (9)	36	$N4 / 36 \times 100$
MARKAH KESELURUHAN	N5 = n (1 + 2 + 3 + 4)	172	$N5 / 172 \times 100$

JAWATANKUASA GERAK KERJA AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI UPNM 2015

PENAUNG	Y. Bhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Naib Canselor	
PENGERUSI	Timbalan Naib Canselor (HEPA)	
KETUA-KETUA BAHAGIAN		
TADBIR URUS INSTITUSI	Timbalan Naib Canselor (HEPA)	Sekretariat bagi Setiap Bahagian dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil
KEWANGAN	Bendahari	
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	Pendaftar	
TADBIR URUS AKADEMIK	Timbalan Naib Canselor (AA) & Timbalan Naib Canselor (P&I)	
URUSETIA	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan >Data (PJKPD)	

**PELAKSANAAN AUDIT KESEDIAAN AUTONOMI UPNM
1 – 3 DISEMBER 2015**

BAHAGIAN	KETUA	AUDITOR	PAKAR RUJUK
TADBIR URUS INSTITUSI	PROF. DR. MOHAMED FADZIL BIN CHE DIN	1. DR. SAPUAN BIN IDRIS 2. PUAN SAADIAH BINTI ENOK	ENCIK AHMAD SHAHAD BIN HJ. DIN - Penasihat, <i>Malaysia Institute of Corporate Governance</i>
KEWANGAN	ENCIK MOHD HAIRAY MD YUSOF	1. ENCIK DZULKIFLI BIN SIPON 2. PUAN ROKIAH BINTI AZIZ 3. ENCIK IZANI BIN ISHAK	HJ. ANUAR BIN MUHAMAD - Mantan Bendahari, Universiti Malaya
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	TUAN HJ. MOHD BAKHARI M. YASIN	1. DR. RAHMAT BIN MD. SMAIL 2. ENCIK MOKHZANI ARIS BIN MOHD YUSOFF 3. ENCIK ADNAN BIN ABDULLAH	DR. ZAHRAH BINTI MOKHTAR - Mantan Pendaftar, UiTM
TADBIR URUS AKADEMIK	PROF. EMERITUS DR. TENGKU MOHD BIN TENGKU SEMBOK & KOL PROF. IR. DR NORAZMAN MOHAMAD NOR	1. DR. IDA BINTI MD YASIN 2. ENCIK AB. RASHID BIN OMAR 3. ENCIK WAN ARIFF BIN WAN HUSSAIN	PROF. EMERITUS DR. MUHAMAD BIN AWANG - Naib Canselor, SEGi Universiti

**SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
UPNM 2015
(Seksyen 17, Berdasarkan Perlembagaan UPNM)**

Pengerusi LPU:

Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor

Wakil Masyarakat Setempat:

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Zulkifeli bin Mohd Zin

Wakil Berpengetahuan dan Berpengalaman:

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi

Wakil Swasta:

YBhg. Brig Jen (K) Tan Sri Dato' Sri Hj Mohd Khamil bin Jamil

Wakil Swasta:

YBhg. Tan Sri Dato' Hashim bin Meon

Wakil Alumni:

YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin

Wakil Kementerian Kewangan:

Puan Siti Fatimah binti Daud

Wakil Kementerian Pendidikan:

Encik Hasnol Zam Zam bin Ahmad

Naib Canselor Universiti:

YBhg. Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj. Zulkifli bin Hj Zainal Abidin

Wakil Senat:

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus

Wakil Silih Ganti Kementerian Pendidikan:

Tuan Hj Rosli bin Isa

**SENARAI AHLI SENAT
UPNM 2015
(Seksyen 22, Berdasarkan Perlembagaan UPNM)**

Naib Canselor:

YBhg. Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli bin Hj Zainal Abidin
Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor:

YBhg. Prof. Emeritus Dr. Tengku Mohd bin Tengku Sembok
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Mohamed Fadzil bin Che Din
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

YBhg. Kol Prof. Ir. Dr. Norazman bin Mohamad Nor
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dekan / Pengarah:

YBhg. Brig Jen Prof. Dato' Dr. Muhamad bin Abu Bakar
Dekan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan

YBhg. Prof. Dr. Megat Mohamad Hamdan bin Megat Ahmad
Dekan, Fakulti Kejuruteraan

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh
Dekan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

YBhg. Kept. Prof. Madya Dr. Zulkifly bin Mat Radzi TLDM (Bersara)
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan

YBhg. Brig Jen Prof. Dato' Dr. Shohaimi bin Abdullah
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Md Zin bin Wan Yunus
Pengarah, Pusat Asasi Pertahanan

YBhg. Prof. Madya Dr. Jowati binti Juhary
Pengarah, Pusat Bahasa

Kol Sofian bin Kamaruddin (Bersara)
Pengarah, Institut Pengajian Eksekutif UPNM

Wakil Profesor:

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Mujahid bin Ahmad Zaidi
Dekan Pengurusan Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Fauziah binti Hj Abdul Aziz
Pengarah, Pusat Pengurusan dan Penyelidikan Inovasi

YBhg. Prof. Dr. Shaik Alaudeen bin Mohd Mokhtar
Ketua, Jabatan Program Kesihatan
Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan

YBhg. Prof. Dr. Faisal bin Hj. Ali
Desk Officer Penyelidikan HADR, Pusat Pengajian Pertahanan dan
Keselamatan Antarabangsa (CDISS)

YBhg. Mej Prof. Dr. Muhd Zu Azhan bin Yahya
Pengarah, Penerbit UPNM

Ahli Ko-Opt:

YBhg. Dato' Dr. Jesbil Singh a/l Bahadur Singh
Penolong Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)

YBhg. Brig Jen Dato' Hj Mohd Adkaa bin Hj Solahuddin
Komandan, Akademi Latihan Ketenteraan

Lt Kol Prof. Madya Ir. Hj Mohamad Ghani bin Mohamad Madersah
(Bersara)
Pengarah Pusat Penyelidikan dan Teknologi Pertahanan

Lt Kol Prof. Ahmad Ghazali Bin Abu Hassan (Bersara)
Pengarah,
Pusat Pengajian Pertahanan dan Keselamatan Antarabangsa

Ahli Ex-Officio:

Tuan Hj. Bakhari bin M. Yasin
Pendaftar, Jabatan Pendaftar

Encik Mohd Hairay Bin Md Yusof
Bendahari, Pejabat Bendahari

Encik Mohammed Dzulkarnain bin Abdul Karim
Ketua Pustakawan, Perpustakaan Jeneral Tun Ibrahim

Puan Zunika binti Sulaiman
Pegawai Undang-Undang, Pejabat Naib Canselor

Ahli Turut Hadir:

YBhg. Prof. Madya Dr. Hasan Al-Banna bin Mohamed
Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan Data

Tuan Hj Mohd Anuar bin Mohd Nor
Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Lt Kol Shahrul bin Sahusi (Bersara)
Pengarah, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

YBhg. Prof. Ir. Dr. Wan Ali bin Wan Mat
Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik

DISEDIAKAN OLEH:
PUSAT JAMINAN KUALITI DAN PENGURUSAN DATA
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM PERDANA SUNGAI BESI, 57000 KUALA LUMPUR
TEL: 03-90513011
FAKS: 03-90513002





UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
Kem Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : 603-9051 3400 Fax : 603-9051 3028
www.upnm.edu.my

REKA BENTUK DAN CETAKAN OLEH :
PENERBIT UPNM